

**TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH**

SEMPENA

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-7/2025
KONSORTIUM KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(KOWIMA)**

30 JUN 2025 / 10.00 PAGI

KOPUTRI CONVENTION CENTER, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Koperasi.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-7 Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad (KOWIMA) pada pagi yang bermakna ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh jawatankuasa KOWIMA kerana berjaya meneruskan penganjuran mesyuarat agung ini secara konsisten sejak penubuhan KOWIMA pada 21 Disember 2017.

3. Dalam kesempatan ini juga, izinkan saya mewakili seluruh warga kepimpinan ANGKASA merakamkan penghargaan kepada KOWIMA atas peranan aktif yang dimainkan dalam memperkasakan koperasi wanita di Malaysia. Konsortium ini menjadi platform penting dalam menyatukan suara koperasi wanita, membina kekuatan ekonomi bersama dan mencipta peluang keusahawanan serta jaringan perniagaan di kalangan koperasi-koperasi wanita di bawah naungannya.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

4. ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi negara sentiasa menyokong usaha murni seumpama ini. Malah, dalam kerangka Pelan Strategik ANGKASA 2025 (PESAN50), agenda pemerkasaan koperasi wanita telah diangkat sebagai salah satu fokus penting.

5. Melalui Bahagian Wanita & Komuniti, Visinya adalah Menjadi bahagian yang membantu dan membangun perniagaan koperasi wanita dan komuniti terunggul

menjelang 2030. Kita mahu koperasi wanita bukan sekadar berada di pinggiran ekonomi, tetapi turut menyumbang secara langsung dalam sektor berimpak tinggi dan strategik negara.

6. Berdasarkan statistik terkini Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga Disember 2024 terdapat lebih 250 buah koperasi Wanita di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 28,092 individu, Syer/Yuran sebanyak RM19.13 juta, Aset sebanyak RM79.36 juta dan perolehan dicatatkan adalah sebanyak RM16.20 juta.

7. Walaupun sumbangan perolehan koperasi wanita secara keseluruhan masih kecil berbanding potensi sebenar yang boleh dicapai namun saya percaya peranan wanita dalam koperasi amat besar kerana jumlah tersebut tidak mengira sumbangan Wanita dalam koperasi segmen lain seperti koperasi ibu tunggal, koperasi belia, koperasi kakitangan kerajaan dan lain – lain. .Justeru, saya amat berharap KOWIMA dapat berperanan lebih aktif sebagai konsortium pemudah cara untuk melonjakkan lagi pencapaian koperasi wanita.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

8. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi bahawa pada bulan Mei yang lalu, ANGKASA telah berjaya menganjurkan ASEAN Cooperative Dialogue (ACD) 2025 yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin koperasi dari seluruh rantau ASEAN bersama agensi kerajaan serantau. Dialog ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan strategik antara gerakan koperasi ASEAN, tetapi turut membincangkan potensi pembangunan keusahawanan koperasi wanita di peringkat serantau.

9. Saya menyeru agar koperasi-koperasi wanita di bawah KOWIMA memanfaatkan peluang ini untuk membina

jaringan kerjasama perniagaan dengan koperasi wanita ASEAN, sama ada dalam bidang produk halal, kraftangan, perkhidmatan pelancongan komuniti, pertanian moden mahupun program pembangunan usahawan wanita. ANGKASA bersedia menjadi pemudah cara dan penghubung bagi membolehkan koperasi wanita negara kita turut aktif dalam ekosistem koperasi ASEAN. Inilah masanya untuk koperasi wanita Malaysia melebarkan sayap di pasaran serantau

10. Dalam era ekonomi digital hari ini juga, koperasi wanita juga perlu berani meneroka model perniagaan baharu berasaskan teknologi, pemasaran atas talian dan ekonomi komuniti lestari. Jangan takut untuk bergerak keluar dari zon tradisional. Kita mesti memastikan koperasi wanita kekal relevan dan kompetitif dalam landskap ekonomi negara.

11. ANGKASA amat terbuka untuk bekerjasama dengan KOWIMA dalam menjayakan program-program di bawah naungan kerajaan mahupun inisiatif bersama koperasi Wanita yang lain.

12. Saya mempunyai keyakinan penuh dengan kepimpinan yang dinamik dan komitmen yang ditunjukkan oleh ahli lembaga serta anggota koperasi KOWIMA, mesyuarat agung kali ini dapat menjadi medan terbaik untuk merangka strategi baharu, memperkukuh tadbir urus dan memperluaskan rangkaian perniagaan konsortium koperasi wanita.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

13. Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan syabas kepada barisan penganjur serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-7 ini. Semoga segala perancangan, perbincangan dan ketetapan yang dibuat dalam mesyuarat ini dapat memberi manfaat besar kepada koperasi-koperasi wanita di bawah naungan KOWIMA dan seterusnya memperkukuh gerakan koperasi wanita di Malaysia.

14. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan ini merasmikan **Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-7 Tahun 2025 Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad (KOWIMA)**.

Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.